

# BAB 5

( Analisis Hukum Tentang Adat Menyambut Kelahiran Bayi )

## BAB 5

### ANALISIS HUKUM ADAT-ADAT MENYAMBUT KELAHIRAN BAYI

#### 5.1 Pendahuluan

Rumusan di dalam bab ini nanti adalah lebih menunjukkan suatu pendekatan analisis yang tidak terlalu ketat atau rigid. Pendekatan yang tidak sewenang-wenangnya dengan mengharamkan apa sahaja yang berhubung dengan adat resam orang Melayu Islam tanpa mengambilkira falsafah dan kesan positif terhadap masyarakat. Justeru, untuk merealisasikan metod tersebut pengkaji menggunakan metod pertengahan “*al-wasatiah*”<sup>1</sup> dalam merumuskan hukum-hukum adat-adat menyambut kelahiran agar lebih bersifat adil dan saksama seperti firman Allah:

اَلَا تُطْعِنُو فِي الْمِيزَانَ وَأَقِيمُوا الْوَزْنَ بِالْقِسْطِ وَلَا تُخْسِرُو اَلْمِيزَانَ

Maksudnya:

“Janganlah kamu semua melampaui batas dalam pertimbangan dan lakukanlah dengan adil dan janganlah kamu menguranginya”.  
( Surah al-Rahmān (55): 8 dan 9)

Analisis hukum adat-adat ini akan dirumuskan berdasarkan keilmuan dan pendekatan yang tidak mengabaikan tabiat dan habitat manusia<sup>3</sup> daripada hasil maklumat yang ada pada pengkaji. Ini bertepatan dengan satu hadith Rasūlullah :

عَلَيْكُمْ مِنَ الْعَمَلِ مَا تُطْلِقُونَ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَنْهِيْ حَتَّىْ تُمْلِوْ

<sup>1</sup> Lihat Muhammad ‘Uqlah ( 1991), *Al-Islām Maqāsiduhu Wa Khashā’isuhu*, cet.2. Jordan : Maktabah al-Risalah al-Hadithah, h. 50-62.

<sup>2</sup> Huraiyan lanjut sila lihat surah al-Baqarah (2): 143 dan surah al-Qalam (68): 28.

<sup>3</sup> Muhammad ‘Uqlah, *Op.cit.*, h. 63.

<sup>4</sup> Jalaluddin al-Suyūtī, al-Hāfiẓ (1985), *Jāmi‘ al-Saghīr Fī Al-Hadīth al-Basyīr al-Nazīr*, cet. 4. Beirut: Dar al-Kutub al- Ilmiyah, h. .65.

Maksudnya:

“Lakukanlah sesuatu pekerjaan berdasarkan kepada apa yang kamu mampu dan Allah tidak sekali-kali jemu sehingga kamulah yang jemu”  
(Riwāyat Ibn Hibbān)

Memandangkan untuk menentukan analisis hukum tersebut adalah sesuatu tugas yang berat juga memerlukan usaha yang gigih dan lebih berhati-hati, pengkaji akan menilai dan menganalisis sumber data yang diperolehi itu tanpa menggunakan unsur-unsur fanatik dan taklid agar ianya lebih bersifat adil mengikut pemahaman peribadi si pengkaji sendiri. Bahkan ianya bebas dari pengaruh mazhab dan ikutan secara buta, baik pengaruh orang dahulu maupun sekarang, disamping menghormati ulama-ulama dan ahli fiqh khususnya yang bersesuaian dengan ajaran dan pesanan mereka agar jangan meniru tetapi mengambil persoalan itu dari sumber yang mereka ambil. Yang jelasnya hukum itu sesuatu yang lentur<sup>5</sup> dan sering juga berubah-ubah mengikut dimensi orang yang menghukumnya dan suasana persekitaran<sup>6</sup> sebagaimana yang diutarakan oleh Ibn al-Qayyim:<sup>7</sup>

"إِلَجْتِهَادُ حَالَةٌ"

Maksudnya:

“Ijtihad itu suatu keadaan tertentu”.

Disamping itu, pengkaji akan cuba mengemukakan setiap persoalan atau permasalahan yang diketengahkan dalam bab yang ketiga dengan menunjukkan dalil-dalil serta hukumnya pada bab yang kelima disamping mempertimbangkannya dan memerhatikan sanadnya sama ada ianya kuat atau lemah demi agama dan kepentingan masyarakat.

<sup>5</sup> Muhammad 'Uqlah, *Op.cit*, h. 84.

<sup>6</sup> Muhammad Ali al-Sabuni (1980), *Al-Tibyan fi Ulum al-Quran*, cet.2. Beirut: Dar al-Fikr, h. 73-83.

<sup>7</sup> Yusof al-Qardawī (1989), *Hudā al-Islām Fatwā al-Muā'sarah*, cet.4. Kuwait: Dar al-Qalam, h.3.

Walaupun begitu, pengkaji akan lebih berhati-hati di dalam merumuskan hukum-hukum tersebut sebagaimana perkataan Imam Nawawi dalam muqaddimah *al-Majmū'* melalui ucapan Sufiān Al-Thawrī<sup>8</sup>:

“ Sesungguhnya orang yang berilmu ialah orang yang membolehkan sesuatu yang mudah dengan dalil dan diyakini. Adapun memilih sesuatu yang sukar dan berat, semua orang dapat melakukannya.”

## **5.2 Analisis Hukum Adat-Adat Sebelum Kelahiran**

### *5.2.1 Adat-adat Penjagaan Ibu dan Anak.*

Segala bentuk pantang larang dan adat istiadat yang pernah dilakukan oleh masyarakat Melayu pada asalnya adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya kejadian-kejadian buruk yang mungkin menimpa ibu dan bayi terutamanya daripada gangguan-gangguan makhluk halus.

Dalam bab ini penulis mendapati bahawa adat mengenakan pantang larang kepada ibu yang akan melahirkan anak tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Di mana pengkaji mendapati pantang larang yang dikenakan itu adalah lebih berorientasikan penjagaan atau pengawalan terhadap kesihatan diri ibu dan bayi. Yang jelas, ianya lebih berkonssep kepada “*pencegahan itu lebih baik daripada merawat*” atau “*berpantang itu adalah penawar*”.<sup>9</sup> Adat atau amalan sedemikian diharuskan oleh syara’, sebagaimana Rasulullah S.A.W pernah melarang sayidinā Ali<sup>ؑ</sup> daripada memakan bubur tamar kerana beliau baru sahaja sembah daripada

<sup>8</sup> Abu Zakaria Al-Nawawi (t.t), *Al-Majmū'* Syarah al-Muhazzab, jld.2, Beirut : Dar al-fikr, h.48

<sup>9</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Syamsuddin Muhammad bin Abu Bakr bin Ayub al-Zar'e al-Dimasqi (t.t), *Thib al-Nabawi*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 93.

penyakit dan Rasūlullah melarangnya daripada memakan kerana dikhuatiri penyakit akan kembali lagi.<sup>10</sup>

Pantang larang makanan yang diamalkan nampaknya lebih berkonseptan kepada penjagaan kesihatan diri si ibu dan bayi, yang mana pantang larang tersebut telah disokong dengan konsep penjagaannya terhadap kesihatan diri sama ada melalui wahyu atau kajian saintifik dari masa ke semasa. Imām al-Ghazālī pernah menyebut tentang peri pentingnya menahan lapar di dalam perubatan Islam sama ada secara lahir dan batinnya.<sup>11</sup> Rasulullah telah menjelaskan dalam hadithnya:<sup>12</sup>

"صُونُّوا نَصِيبُهُمْ"

Maksudnya :

"Berpuasalah kamu kerana ianya akan menyihatkan kesihatan badan kamu"

(Riwayat al-Tabrānī)

Justeru, pantang larang makanan dapat dirumuskan sebagai pantang larang yang diharuskan oleh syara' bahkan digalakkan kerana ianya melibatkan penjagaan kesihatan dan keselamatan diri seseorang yang termasuk dalam konteks matlamat atau objektif penurunan syariat itu sendiri,<sup>13</sup> iaitu berdiri di atas

<sup>10</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1990), *Zādul Ma'ād Fi Ḥudā Khairul al-Ibād*, jld.4, cet.14. Beirut: Mu'assah al-Risalah, h. 388, Al-Bahuti ( 1989), *Kasfūl al-Qanā' An Matan al-Iqnā'*, Jld. 1, al-Riyad: Matabah al-Nasr al-Hadith, h.372.

<sup>11</sup> Al-Ghazālī, Abi Hamid Muhammad (1988), *Matan al-Arba'īn Fi Usūl al-Dīn*, Beirut: Dar-al-Jāl, h.79.

<sup>12</sup> Al-Munzir, al-Ḥāfiẓ (1989), *al-Targhib wa al-Tarhib Fi al-Hadith al-Syarīf*, cet.2. Beirut: Dar al-Fikr, h. 56.

<sup>13</sup> Al-Syatibi, Abi Ishāq Ibrāhīm ( t.t), *Al-Mu'afaqat fi Usūl al-Syari'ah*, jld.2, Mesir : Matabah al-Tijariyah al-Kubrā, h. 6.

paksi mendatangkan sesuatu kemaslahatan <sup>14</sup> dan menolak segala keburukan “*Jalbu Maslahah Wa Dar'u al-Mafsadah.*”<sup>15</sup>

Tetapi ianya berbeza dengan pantang larang terhadap perlakuan yang banyak menyentuh kepada persoalan kepercayaan seseorang. Adalah sesuatu yang tidak benar, sekiranya terdapat ibu yang beranggapan bahawa kecacatan anaknya adalah berlaku dari pengaruh luaran seperti dengan sebab perlakuan atau suaminya yang memotong kaki ketam, menyebabkan jari jemari anak yang dilahirkan menjadi cacat. Sebenarnya yang boleh menyebabkan berlakunya kecacatan kepada bayi yang baru lahir sebahagian besarnya adalah dari ibu itu sendiri. Mungkin ianya berpunca daripada kesan kepada ibu yang mengandung seperti merokok, jangkitan kuman, penggunaan ubatan atau dadah, minuman keras dan makanan tertentu.<sup>16</sup> Berkemungkinan juga kerana penggunaan ubat bius dan aspirin semasa mengandung yang boleh menyebabkan kecacatan bayi dalam kandungan.<sup>17</sup>

Kepercayaan seperti terkena kenan, kesulitan ketika bersalin dan berlakunya kecacatan pada bayi yang dilahirkan berpunca akibat pelanggaran pantang larang adalah tidak benar dan dibimbangi boleh membawa kepada unsur-unsur *khurāfah* dan tasyūl yang bercanggah dengan ajaran Islam. Sebarang *khurāfah* adalah ditegah di dalam Islam sebagaimana sabda Rasulullah :<sup>18</sup>

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: لَا عَذْوَى وَلَا عَقْلٌ وَلَا صَفَرٌ

<sup>14</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah ( 1968), ‘*Ilāmu al-Muqi’īn an Rabi al-‘Alāmīn*, jld.1, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 9, Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad (1334H), *al-Mustasfa min Ilmi al-Usul*, jld.1, Mesir : Maktabah Amiriyah, h. 287.

<sup>15</sup> Mohamad Khālid al-Mansur (1999), *Al-Ahkām al-Tibbiyyah al-Muta’aliyah Bil al-Nisā’ Fī Fiqh al-Islāmī*, cet. 2. Jordan: Dar al- Nafais, h. 15, Muhammad ‘Uqlah, *Op.cit.*, h. 108- 111.

<sup>16</sup> Mohammad Ali, *Kehamilan dan Kelahiran dari kaca mata Islam*, h.38.

<sup>17</sup> Dewan Kosmik(Mei, 2002), *Majalah Sains dan Teknologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,h. 29.

<sup>18</sup> Al-Nawawī, al-İfṭām Abi Zakaria Yahya Ibn Syarh, (1972), *Syarah al-Muslim Bi Syarah al-Nawawī*, jld.1, cet.14. Beirut : Dar al-Ihya, h. 45.

Maksudnya:

Dari Jābir r.a.Nabi S.A.W. bersabda :"Tidak ada jangkitan penyakit, tidak ada sial si polan dan sial bulan safar".

(Riwayat Muslim dan Abū Dawūd)

Hadith ini menunjukkan larangan kepada suatu kepercayaan seperti kepercayaan orang-orang jahiliyyah yang menganggap sesuatu penyakit itu boleh merebak dengan sendiri tanpa dengan keizinan Allah,<sup>19</sup> sedangkan di dalam Islam sesuatu perkara tidak akan mendatangkan mudarat atau manfaat melainkan dengan izin Allah. Adalah tidak wajar meletakkan sesuatu boleh berfungsi dengan sendiri tanpa izin daripada Allah. Rasulullah S.A.W bersabda:<sup>20</sup>

واعلم أنَّ الْأُمَّةَ لَوْاجْتَمَعَتْ عَلَىٰ أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَلَوْاجْتَمَعُوا عَلَىٰ أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ  
رُفِعَتْ الْأَقْلَامُ وَجُنِّثَتْ الْمَحَفَّ

Maksudnya:

"Dan ketahuilah! Andainya sesuatu umat itu berkumpul untuk memberi manfaat kepada kamu, mereka tidak dapat memberikannya kepada kamu, kecuali dengan sesuatu yang telah ditetapkan Allah bagi kamu. Jika mereka berkumpul untuk membahayakan dengan sesuatu, mereka tidak dapat membahayakan kamu, kecuali dengan sesuatu yang telah ditetapkan Allah bagi kamu. Pena telah diangkat dan dakwat yang tertulis pada buku telah kering."

( Riwayat al-Tirmidhzi)

Seterusnya hukum mengenai pantang larang terhadap perkataan pula boleh dikategorikan sebagai suatu bentuk *metodologi* pendidikan kepada si ayah agar sentiasa bersifat mulia. Adat ini diamalkan agar amalan nilai-nilai baik si bapa akan diwarisi oleh si anak kelak. Pada pendapat pengkaji, amalan seperti ini tidaklah menyalahi hukum syariat, di mana Islam juga menganjurkan pada

<sup>19</sup> Al-‘Asqalānī, al-Imām, al-Hafiz Ahmad Ali Ibn Hajar, *Fath al-Bārī Syarah Sahīh al-Bukhārī*, jld.1,cet.1. Kaherah: Dar al-Riyan li al-Thurath, h. 160.

<sup>20</sup> Al-Tirmidhzi, Abu Isa Muhammad Ibn Isā Thawrat (1975), *Sunan al-Tirmidhzi*, jld.4, Mesir: Dar al-Fikr, h.667.

Maksudnya :

“ Wahai Tuhan kami, tidaklah kamu jadikan semua ini tanpa faedah atau sia-sia”.

( Surah al-*Imrān* (3) : 191)

Ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa setiap kejadian Allah terkandung seribu makna dan faedah untuk keperluan hidup manusia di dunia.

Mengenai pulut semangat pula adalah sebagai pemberi semangat atau suatu motivasi kepada si ibu untuk menghadapi hari bersalin. Namun sekiranya pulut semangat tersebut dianggapnya sebagai pemberi kekuatan, keberkatan dan semangat kepada manusia, ianya adalah suatu kepercayaan yang karut lagi *khurāfat* dan hukumnya adalah haram. Terdapat unsur-unsur syirik sekiranya beranggapan bahawa makhluk mampu memberikan manfaat atau mudarat dengan sendiri tanpa keizinan daripada Allah. Walhal yang memberi mudarat atau manfaat, yang menjatuh atau mengangkat, yang mengalahkan atau memberi kemenangan dan yang memberi dan menolak ialah Allah S.W.T.<sup>24</sup>

Manakala pengerasnya sebagai bayaran perkhidmatan yang perlu dibayar apabila upacara itu berlangsung tidak bercanggah dengan ajaran agama. Tetapi sekiranya beranggapan bahawa pengeras itu boleh mendatang keberkatan kepadanya, maka ia bercanggah dengan ajaran Islam. Mencari keberkatan tanpa melalui sesuatu keberkatan yang dianjurkan oleh syara' adalah dilarang. Walaupun begitu, tidaklah menjadi suatu kesalahan mengambil keberkatan menerusi anugerah keberkatan yang Allah telah kurniakan padanya seperti pada air zam-zam,<sup>25</sup> Masjid *al-Harām* di Mekah,<sup>26</sup> Masjid *al-Nabāwī* di Madinah dan

<sup>24</sup> Al- Ghazālī, *Op.cit.*, h. 75, ‘Abdullah al-Harārī (1997), *Al-‘Aqīdah al-Suniyyah Bi Syārh al-‘Aqīdah Islamiyyah*, cet.2. Beirut: Dar – al-Masyari, h. 36.

<sup>25</sup> Al- Tabrānī ( 1985), *Mu’jam al-Kabīr*, jld.6, cet.1. al-Riyad : Maktabah al-Ma’arif, h. 73, Ibn Qayyim al –Jawziyyah, *Op.cit.*, h. 392-393.

<sup>26</sup> Lihat al-Quran surah al-*Isra’*(17): ayat 1, al-Razi, *Op.cits.*, jld.10, h. 15, Al-Zamakhshyari (t.l.), *al-Kasyūf’ an Haqaīq al-Tanzīl wa ‘Uyun al- ‘Aqāwil fi Wujūh al-Ta’wīl*, jld.2, Beirut: Dar al- Ma’rifah, h. 351, al-Baidhāwī ( 1988), *Tafsīr al-Baidhāwī*, jld.1, cet.1. Beirut: Dar al-Khutub al- Ilmiah, h. 563.

Masjid *al-Aqṣā* di Palestin<sup>27</sup> bahkan Allah merestui seseorang muslim itu mencari berkat tersebut menerusinya.

Majlis doa selamat dan solat hajat diadakan selepas upacara melenggang perut dengan hasrat mendapat pertolongan dan rahmat daripada Allah dengan tujuan memudahkan proses bersalin. Walaupun majlis sedemikian, tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah, namun ia dianggap sebagai suatu amalan yang baik kerana dapat membantu dan menolong orang yang memerlukan bantuan. Hal sedemikian termasuk di dalam *wasīlah* yang direstui dalam agama. Begitulah juga doa telah dianggap sebaik-baik penawar dan sebab musabab.<sup>28</sup> Ini dapat dilihat pada zaman baginda Rasulullah, para sahabat datang mengadap baginda agar berdoa kepada Allah untuk mereka. Rasulullah tunaikan harapan mereka dan Allah telah mengabulkan permintaan mereka. Begitulah juga Rasulullah pernah bersabda kepada Umar bin al-Khaṭāb r.a. yang hendak bertolak menyempurnakan umrah:<sup>29</sup>

لَا تُسْبِّحُنَا يَا أَخِي مِنْ ذُعَانِكَ

Maksudnya:

“Janganlah lupakan kami, wahai saudaraku, dari doamu”.

Tidak kedapatan pada penggunaan beras kunyit unsur-unsur yang bertentangan dengan syara'. Di sini beras kunyit digunakan semata-mata untuk menghalau hantu syaitan kerana menurut kepercayaan mereka hantu syaitan tersebut takut kepada beras kunyit tersebut. Oleh itu, amalan yang sedemikian itu adalah sejajar dengan tuntutan Islam yang meminta agar penganutnya

<sup>27</sup> Al-Jazairī, (t.t), *Aqīdah al-Mu'min*, Ismail Mohd Hasan,(terj), Terbitan 41, Yayasan Terengganu, h.191.

<sup>28</sup> Lihat Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Syamsudin Abi Abdullah Muhammad ( 1992), *Al-Jawābu al-Kāfi Limā Sa'alā 'an Dawa al-Syāfi*, Tahqiq : Basyir Mahmood 'Uyun, cet.2. Damsyiq: Maktabah dar al-Bayan, h. 7.

<sup>29</sup> *Ibid*, h.157.

menghindarkan diri mereka daripada syaitan dalam apa jua pekerjaan termasuklah di dalam apa jua ibadat. Ianya disarankan agar menghindarkan diri daripada gangguan syaitan dengan membaca “*al-istiāzah*”<sup>30</sup> ketika setiap kali ingin memulakannya. Ini adalah kerana syaitan adalah musuh kepada manusia.<sup>31</sup> Oleh yang demikian, Islam menegah umatnya menggunakan jampi-jampi selain daripada ayat-ayat al-Qurān atau al-Hadīth yang boleh menimbulkan unsur-unsur pemujaan kepada selain daripada Allah.<sup>32</sup>

Seterusnya adat pemakanan dan penjagaan kesihatan menggambarkan suatu usaha dan ikhtiar manusia demi mencari kesejahteraan dan keselamatan diri dan keluarga. Islam menggesa umatnya agar menjaga keselamatan diri mahupun keluarga sebagaimana firman Allah:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِمْ إِلَى النَّهَّاكَةِ

Maksudnya :

“Janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke arah kebinasaan”

(Sūrah al-Baqarah (2):195)

Manakala ibu-ibu yang mengawal pemakanan mereka agar ianya sentiasa sihat dan ceria adalah selaras dengan ajaran yang telah dipamerkan oleh Allah melalui Mariam.<sup>33</sup> Semua yang diperintahkan Allah kepada manusia pada dasarnya hanyalah demi kebaikan mereka, sama ada baik terhadap agama mahupun dunia. Allah menunjukkan cara pemakanan yang betul sebaik sahaja siti Mariam melahirkan nabi Allah Isa. Ini menggambarkan bahawa perlunya penjagaan dan pengawalan terhadap pemakanan bagi perempuan yang baru

<sup>30</sup> Al-Rāzī, (1993), *Tafsīr al-Kabīr Wa Mafātīh al-Ghaib*, jld 1, Beirut: Dar al-Fikr, h.83, Al-Zamakhshari, *Op.cit*, jld,1, h. 2.

<sup>31</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Jalaluddin Abi al-Farji Abdul Rahman (1994), *Talbīs al-Iblīs*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 33-34.

<sup>32</sup> Abdul Karīm Zaidān, *Op.cit.*, h. 114-118.

<sup>33</sup> Lihat surah Mariam (19): ayat 25.

melahirkan anak. Mukmin yang sihat dan cergas amat disukai oleh agama. Ini dapat difahami melalui sabda Rasūlullah:

**الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبٌ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الْمُبْعِيْفِ**

Maksudnya:

“Orang mukmin yang kuat lebih disukai oleh Allah daripada mukmin yang lemah.”<sup>34</sup>

( Riwayat Muslim )

Dalam adat memenuhi permintaan isteri, pengkaji mendapati bahawa kepercayaan kepada tidak memenuhi permintaan si isteri ketika mengandung boleh menyebabkan bayi yang dilahirkan air liurnya sentiasa meleleh keluar setelah dilahirkan adalah tidak benar dan tidak berasas. Kemungkinan berlaku kejadian sedemikian adalah secara kebetulan sahaja. Sebenarnya adat ini ditimbulkan oleh nenek moyang sebagai suatu inisiatif untuk menjaga setiap permintaan dan permohonan isteri agar ditunaikan oleh si suami. Begitulah juga, Islam menggalakkan umatnya agar memenuhi setiap permohonan atau hajat yang dipinta oleh orang lain sekiranya permintaan tersebut tidak bertentangan dengan ajaran Islam bahkan amalan tersebut pernah diamalkan oleh Rasulullah pada masa hidup baginda. Sabdanya:<sup>35</sup>

**خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي**

Maksudnya :

“Sebaik-baik kamu ialah yang paling baik terhadap keluarga dan aku adalah yang paling baik terhadap keluargaku”.<sup>36</sup>

(Riwayat al-Tirmidzī)

<sup>34</sup> Muslim, *Op.cit*, no. hadith 356.

<sup>35</sup> Yusof al-Qardawī, ( 1995), *Fatwa-fatwa Kontemporeri*, ‘Asad Yasin (Drs),(terj), jld.1, cet.2. Jakarta: Gema Insani Press, h. 605.

<sup>36</sup> Al-Tirmidzī, *Op.cit*, no. hadith 1346.

Terdapat dalam satu hadīthnya yang lain:<sup>37</sup>

إِنَّ اللَّهَ يَنْعِذُ الْجَعَظِيَّ الْجَوَاظَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah benci kepada orang yang bersikap keras terhadap isterinya ( keluarganya) dan sombong pada dirinya”.

(Riwāyat Abū Dawūd)

### 5.2.2 Adat Mudah Bersalin

Penggunaan minyak atau air sulusuh agar memudahkan proses bersalin tidak dilarang di dalam Islam. Penggunaan air atau minyak selusuh ini menggambarkan suatu usaha dan ikhtiar manusia untuk meringankan kerumitan semasa bersalin. Islam memang menggalakkan umatnya agar menghindarkan diri dari kesusahan atau kerumitan dalam apa jua kehidupan dunia mahupun akhirat. Justeru, Islam menggesa umatnya agar menghindarkan diri dari kesusahan sebagaimana Rasulullah telah memendekkan solatnya setelah terdengar suara tangisan bayi.<sup>38</sup>

Bacaan ketika membuat air selusuh atau minyak yang didapati banyak menggunakan keistimewaan potongan ayat-ayat al-Qur'an adalah diharuskan syara'.<sup>39</sup> Namun ada beberapa tempat yang menunjukkan ada unsur-unsur perantaraan (*al-wasatiah*) dalam menupukan jampi-jampi tersebut pada air selusuh atau minyak seperti jampi *Mariam* dan ibu Nabi Mūsā. Jampi *Mariam* seperti:

اللَّهُمَّ بِحَقِّ مَرِيمٍ وَبِحَقِّ مَنْ أَنْزَلْتَ عَلَيْهِ سُورَةً مَرِيمَ حَفْتَ عَلَى (فَلَانْ) آلامَ

الْمَخَاضِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ

<sup>37</sup> Abū Dawūd, *Op.cit.* no.hadith 1254

<sup>38</sup> Muhammad 'Uqlah (1991), *Al-Islām Maqāsiduhu Wa Khasā'isuhu*, cet. 2. Jordan: Matabah al-Risalah,h. 256.

<sup>39</sup> Lihat, Ahmad al-Sobahi 'Iwād Allah (19985), *Al-Istisfā bī al-Qurān al-Hakīm*, Beirut: al-Hilal, h. 10.

Ertinya :

“ Wahai Allah, demi kebenaran Mariam dan demi kebenaran Nabi yang diturunkan surah Mariam, ringankan sakit saya (si pulan) dengan rahmat (pengasih) Engkau, wahai tuhan yang sepengasih-pengasih antara yang pengasih”.

dan kemulian ibu Mūsā seperti:

يَا قَاتِحُ بِلَا مِقْتَاحٍ, افْتَحْ لَنَا بِحُرْمَةِ أُمِّ مُوسَىٰ بَنْتَ لَاوِي بْنِ يَعْقُوبَ, صَلَوَاتُ اللهِ عَلَيْهِمْ أَجْمَعِينَ, بِحُرْمَةِ بُدُونَجٍ

Ertinya:

“ Wahai Tuhan yang membuka tanpa menggunakan anak kunci, bukalah (tolongolah) kepada kami dengan kemulian nabi Mūsā binti Lāwī bin Ya'qūb, semoga Allah juga berselawat ke atas mereka sekaliannya, dengan kemulian Buduh”.

Begitulah juga penggunaan selawat *al-Sifā'* di dalam membuat selusuh dikira bercanggah dengan petunjuk Rasulullah<sup>40</sup> sekiranya dinisbahkan penyembuh dan penawar kepada Baginda Rasulullah bukan kepada yang berhak iaitu Allah.<sup>41</sup> sebagaimana firman Allah :

فَلَنْ لَأَمْلِكُ لِنَفْسِي ضَرًّا وَلَا نَقْعًا إِلَّا مَأْشَاءَ اللَّهِ

Maksudnya:

“Katakanlah wahai Muhammad : Aku tidak berkuasa menolak mudarat dan tidak juga berkuasa untuk mendatangkan manfaat bagi diriku kecuali apa yang dikehendaki Allah”.

(Surah Yūnūs (10): 49 )

Walaupun begitu, ianya masih tidak boleh dianggap bercanggah dengan ajaran Islam sekiranya penyembuh itu dinisbahkan kepada Allah. Manakala Rasulullah adalah sebagai harapan untuk memperolehi keberkatan<sup>42</sup> disamping meyakini

<sup>40</sup> Muhamad bin Jamil Zainu (t.t), *Minhāj Al- Fiqrah Al-Nājihah*, Ma'asahah, Makah al-Mukaramah, h.116.

<sup>41</sup> Lihat 'Ali Ibn Muhammad Ibn Abi 'Iz (1980), *Syarah al-Tahawiyah Fi al-Aqīdah al-Salafiyah*, cet.1. Beirut: Dar al-Fikr, h. 137.

<sup>42</sup> Ibn Jawzi (1980), *Zād al-Maṣīr fī Ilmi al-Tafsīr*, jld.6, cet.1. Mesir: Dar al-fikr, h. 397.

bahawa Beliau tidak mempunyai kuasa untuk memberi manfaat baik kepada diri sendiri mahupun diri orang lain melainkan dengan izin Allah.<sup>43</sup>

Di mana pada zaman Rasūlullah S.A.W. pernah para sahabat memohon sesuatu yang luar biasa dengan *berwasīlah* menerusi Rasulullah S.A.W<sup>44</sup> sebagai perantaraan dengan Allah dan ini dibolehkan.<sup>45</sup> Akan tetapi sesudah beliau wafat, cara sebegini terhapus dengan sendirinya melainkan untuk mendapat keberkatan daripada selawat yang dihulurkan kepada beliau.<sup>46</sup> Demikianlah juga dengan orang lain yang sudah mati, di mana kalangan ahli *Sunnah Wal Jamā'ah* menolaknya sebagai suatu cara yang dibenarkan.<sup>47</sup>

Begitulah juga terdapat *azīmat* yang mengandungi ayat-ayat suci al-Qur'an yang dicampurkan dengan *khādām*, iaitu menggunakan *khādām* ayat-ayat al-Qur'ān, bukan memohon kepada Allah akan keberkatannya. Walaupun pada hakikatnya Islam membenarkan umatnya mengambil berkat daripada ayat-ayat suci al-Qur'ān. Namun memohon bantuan daripada *khādām* ayat al-Qur'ān untuk menentukan kebaikan atau keburukan ke atas manusia tanpa kuasa penentu daripada Allah adalah syirik dan ianya menyerupai penyembahan sesama makhluk.<sup>48</sup> Yang menentukan sesuatu ke atas makhluk, sama ada dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kebaikan dan keburukan, penentuan itu adalah khusus kepada Allah sahaja dan sebaik-baiknya segala permintaan itu, hendaklah ditujukan terus kepada penentunya iaitu Allah. Kalau terpaksa menggunakan

<sup>43</sup> Abdul Karīm al-Zайдān, *Op.cit.*, h. 115.

<sup>44</sup> Lihat al-Syawqānī, ( t.t ), *Fathu al-Qadīr*, jld.2, Beirut: Dar al-Fikr, h. 38, al-Qurtubī, *al-Jam' li akhām al-Qur'ān*, *Op.cit.*, jld.6, h. 159.

<sup>45</sup> Al-Albānī (1397H), *al-Tawassul Anwā'u huwa Ahkāmuhi*, cet.1. Beirut: Dar al-Fikr, h. 29.

<sup>46</sup> Sila lihat, 'Abdullah 'Alawī al-Haddād ( 1997 ), *Al-Nasha'ih al-Dīniyah wal Wasaya Imaniyah*,cet.1. Majlis al- Banjari li Tafaquh fi al-Din, h. 252-258, Muhammad Ali al-Shabuni, (2001),*Rawdā' e 'al-Bayān Tafsīr Ayātu al-Ahkām Mina al-Qur'ān*, jld.2, Jakarta: Dar Kitab al-Islamiyah, h. 292.

<sup>47</sup> 'Ali Ibn Muhammad Ibn Abi Izzī, *Op.cit.*, h. 138.

<sup>48</sup> Al-Qurtubī,Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansārī, (1967), *Jam' li Ahkm al-Qur'ān*, jld.7,Beirut : Dar al-Fikr, h. 77.

manusia lain atau makhluk lain dalam permintaan itu, ianya tidak lebih hanya sebagai alat dan bukan sebagai penentunya sebagaimana firmanya:

وَإِنْ يَمْسِكَ اللَّهُ بِبَصَرٍ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يُرْدِكَ بَخْيَرٍ فَلَا رَآدَ لِفَضْلِهِ

Maksudnya :

“Dan jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan, maka tiadalah sesiapa pun yang dapat menghapuskannya melainkan Dia. Dan jika Dia menghendaki engkau memperolehi sesuatu kebaikan, maka tiadalah sesiapa pun yang dapat menghalangi limpah kurnianya”.

(Surah Yūnus (10):107)

Justeru, meminum air selusuh tersebut merupakan suatu usaha dan ikhtiar manusia untuk menghindari dari sesuatu musibah yang bakal menimpa semasa bersalin. Usaha dan ikhtiar ini tidaklah terkeluar dari tuntutan agama Islam bahkan ianya memang disarankan agar manusia berusaha dan berikhtiar disamping mempercayai kuasa penentunya di tangan Allah.<sup>49</sup>

Begitulah halnya dengan kepercayaan yang menyatakan bahawa kesulitan bersalin berpunca daripada pelanggaran pantang larang adalah tidak berasas sama sekali. Ini adalah kerana segala ketentuan baik dan buruknya adalah dari kekuatan dan penentuan Allah semata-mata.<sup>50</sup>

Seterusnya pengamalan wirid-wirid dan ayat-ayat suci bagi memudahkan proses bersalin. Hal ini tidak dapat dinafikan dengan kemukjizatan ayat-ayat suci al-Qurān sebagaimana sumber dari ‘Abdullah bin Mas’ūd bahawa Rāshūlullah pernah bersabda:

<sup>49</sup> Al-Haitami, Nuruddin Ali al- bin Abi Bakar (t.t), *Majma’ al-Zawāid Wa Mamba’ al-Fawāid*, jld.10, Qaherah, h.159.

<sup>50</sup> Al-Ghazālī, ( 1981),*Matan al-Arbā’īn*, Beirut: Dar al-Jail, h.8.

الآياتان من آخر سورة البقرة، من قرأها في ليلة كفثاء

Maksudnya:

“Dua ayat di akhir surah al-Baqarah, sesiapa yang membaca kedua-dua nya pada waktu malam, sudah mencukupi baginya”.<sup>51</sup>

(Riwayat Ibn Majah)

Menurut Imām al-Nawawī bahawa maksud “*keduanya mencukupi baginya*” ialah mencukupi semua kebajikan di dunia.<sup>52</sup> Begitulah juga dengan surah *al-Fātiha* yang terlalu banyak mukjizat sehingga dinamakan oleh Rasulullah sebagai *al-Sifa*.<sup>53</sup> Boleh dikatakan kesemua ayat al-Qur'an itu adalah penyembuh dan penawar segala penyakit rohani dan jasmani manusia di dunia sebagaimana Firman Allah:<sup>54</sup>

وَنَزَّلْنَا مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْعَالَمِينَ

Maksudnya :

“Kami turunkan daripada ayat suci al-Qurān sebagai penyembuh dan rahmat kepada sekalian makhluk”.

(Surah al-Isra'(17): 82)

Penulis merasakan perlu untuk menjelaskan tentang suatu perkara yang sering diamalkan di majlis doa selamat dan solat hajat iaitu perbuatan memohon *syafa'at* atau *barakah* orang-orang soleh untuk berdoa kehadrat Allah agar mereka terhindar dari musibah. Tidak dinafikan bahawa majlis tersebut merupakan suatu bentuk permohonan hamba kepada Yang Maha Esa. Maka memohon *syafa'at* atau *barakah* daripada seseorang manusia seperti orang alim atau soleh,<sup>55</sup> maka hukumnya diharuskan oleh syara'. Imām Hafiz al-'Iraqi menegaskan bahawa Imām Ahmad bin Hambal membolehkan *bertabarruk* dengan orang-orang soleh.

<sup>51</sup> Ibn Majah, *Op.cit*, no. hadith 567.

<sup>52</sup> Al-Sabūni (1981) *Mukhtasar al-Tafsīr Ibn Kathīr*, jld.1, cet.2. Beirut: Dar al-Fikr, h. 65.

<sup>53</sup> Al-Razi ,*Op.cit*, jld.1, h.182, H.M.H. Hamid al-Husaini, *Al-Bayān al-Syāfi Fī Mafāhim al-Khilāfiyah*, h. 515.

<sup>54</sup> *Ibid*.

<sup>55</sup> Al-Nawawī, *Syarah Muslim*, *Op.cit*, jld. 4, h.124, al-San'ani, *Op.cit*, jld. 4, h. 136.

Di mana Imām Ahmad pernah *bertabarruk* dengan meminum air bekas cucian baju Imām Syafi'i.<sup>56</sup> Tetapi sekiranya mempercayai dengan keberkatan semata-mata dan bukan kepada ketentuan Allah adalah dilarang oleh syara' dan boleh menyebabkan syirik.<sup>57</sup>

Begitulah juga perbuatan memohon *syafa'at* (*al-isthisfa'*) atau memohon pertolongan orang-orang soleh supaya hajatnya disempurnakan dan diberikan kepadanya apa yang dihajatkan atau dimaafkan kerana sesuatu kesalahan yang telah dilakukannya. Syara' mengharuskan<sup>58</sup> bagi seseorang memohon pertolongan atau mencari *syafa'at* orang lain untuk menyampaikan permohonan kepada sesuatu hajat atau perkara penting berkait dengan dirinya di sisi seorang yang mempunyai kelebihan pangkat, harta kekayaan atau kuasa kerana dia sendiri tidak berdaya menyampaikannya disebabkan kerendahan statusnya dalam masyarakat atau jahil tentang agama. Ini berdasarkan firman Allah :

مَنْ يَشْفَعْ شَفَاعَةً حَسَنَةً يَكُنْ لَهُ نَصِيبٌ مِنْهَا، وَمَنْ يَشْفَعْ شَفَاعَةً سَيِّئَةً يَكُنْ لَهُ كُلُّ شَيْءٍ مُقْتَبًا

Maksudnya:

"Sesiapa yang memberikan syafaat yang baik nescaya akan memperolehi pahala daripadanya. Dan sesiapa yang memberi syafaat yang buruk, nescaya ia akan memikul dosa daripadanya, Allah maha berkuasa di atas segala sesuatu".

( Surah al-Nisa'(4): 85)

Bahkan orang yang memberi *syafa'at* itu beroleh pahala kerana *syafa'atnya* itu walaupun hajat orang yang disyafaat itu ditakdirkan tidak berhasil

<sup>56</sup> *Al-Bayān al-Syāfi'ī Mafhūmī al-Khilafiyah*, H.M.Hamid al-Husaini (1998), cet. 1. Singapura: Pustaka Nasional h. 229.

<sup>57</sup> Al-Qardawi, *Al-Ibādat fi al-Islām*, *Op.cit.*, h.149.  
<sup>58</sup> Al-Jazairi, *Op.cit.*, h. 126.

<sup>59</sup>kerana dalam hadīth yang diriwayatkan oleh Abū Mūsā, Baginda Rasūlullah telah bersabda:

إِشْفَعُوا نُؤْجِرُوا، وَيَقْضِيَ اللَّهُ عَلَى لِسَانِنِيَّةِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا شَاءَ

Maksudnya:

“Kamu berilah syafaat kelak kamu akan diberi pahala dan Allah menyempurnakan atas lidah NabiNya apa-apa yang Dia kehendaki”.<sup>60</sup>  
(Riwāyat al-Bukhāri dan Muslim)

Walaupun begitu, Islam mengharamkan sekiranya seseorang itu mencari *syafa'at* melalui wali-wali Allah dan orang-orang soleh yang telah meninggal dunia.<sup>61</sup>

Jamuan selepas majlis tersebut sebenarnya sebagai sumbangan kecil kepada mereka yang memberi khidmat kepadanya. Ini merupakan adab kesopanan masyarakat Melayu dahulu kala terhadap tetamu yang datang untuk menolong menyelesaikan masalah mereka. Sekiranya tetamu yang datang menolong mereka kemudian dibiarkan meninggalkan rumah mereka tanpa dihidangkan sesuatu makanan juga adalah dianggap suatu keaiban bagi mereka. Justeru sifat yang sedemikian digalakkan di dalam Islam<sup>62</sup> sebagaimana sabda Rasūlullah :

”مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالنَّوْمُ الْآخِرِ فَلَيَكْرَمْ ضَيْقَةً“

Maksudnya:

“Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat maka hendahlah dia menghormati tetamu yang mengunjunginya”.<sup>63</sup>  
(Riwāyat Muslim)

Amalan menyediakan kelengkapan bayi sebelum tiba tempohnya merupakan suatu usaha yang digalakkan oleh Islam sebagaimana firman Allah:

<sup>59</sup> Lihat Syeikh Nashr bin Muhammad al- Samarqandī, *Bustan al- 'Ārifin*, Mohd Sofwan Amru Allah (terj), cet.1. Selangor: Pustaka Ilmi, h. 5.

<sup>60</sup> Al-Bukhāri, *Op.cit.*, Bab al-Tauhid, no.hadith 7510.

<sup>61</sup> Al-Jazīrī, *Op.cit.*, h. 175.

<sup>62</sup> Ibu al-Qudāmāh (1982), *Al Mughnī*, Mesir: Al-Jumhuriah al-Arabiah , cet. 2, jld..7,h.11, Syeikh Abū Bakar Jabir, Al-Jazā'irī (1986), *Aqidah al-Mu'min*, *Op.cit.*, h. 206-207.

<sup>63</sup> Muslim, *Op.cit.*, no. hadith 789.

وَاعْدُوا لَهُم مَا سَطعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ

Maksudnya:

“Bersiap sedialah menghadapi musuh dengan segala kelengkapan yang ada”.

(*Sūrah al-Anfāl* (8): 60 )

Ayat ini menunjukkan suatu gesaan kepada orang mu'min agar sentiasa berada di dalam keadaan bersedia dari masa ke semasa. Ini tidak bermakna kita melawan taqdir Ilahi tetapi sebagai tanda persiapan awal disamping usaha untuk menghindarkan daripada kemungkinan terkena musibah. Ianya juga terkandung di dalam matlamat utama perundangan syariat Islam iaitu menghindar daripada kemudaran “*raf'u al-haraj*” dalam apa jua keadaan.<sup>64</sup>

Dalam persoalan memotong tali pusat bayi, syara' membenarkan amalan atau adat sedemikian dilangsungkan. Namun, jika terdapat pada amalan pemotongan tersebut unsur-unsur permohonan perlindungan selain daripada Allah, iaitu dengan memohon perlindungan penjagaan bayi dengan salah satu daripada jin-jin tersebut, maka Islam melarangnya. Islam tidak mengharuskan sebarang permohonan bantuan dan pertolongan melalui makhluk halus<sup>65</sup> seperti jin kerana sifat semulajadinya yang suka menyesatkan manusia.<sup>66</sup> Firman Allah :

وَإِنَّ رِجَالًا مِنَ الْإِنْسَانِ يَعْوَذُونَ بِرِجَالٍ مِنَ الْجِنِّ فَزَانُوهُمْ رَهْقًا

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya (perbuatan yang salah) ada di kalangan lelaki daripada manusia menjaga dan melindungi diri mereka dengan meminta perlindungan diri pada ketua-ketua golongan jin, dengan itu menjadikan golongan jin bertambah sombong dan durhaka .”.

(*Sūrah al-Jin* ( 72 ) :6 )

<sup>64</sup> Lihat Syeikh Ahmad bin Syeikh Muhammad al-Zarqā' (1993), *Syrah al-Qawāid al-Fiqhiyah*, cet.3. Damsyik: Dar al-Qalam, h. 205-206, Abū Ishaq al-Syātībi ( t.t ), *al-Mu'afaqat al-Syātībiyah*, jld.3, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, h. 49-50.

<sup>65</sup> Lihat Ibn al-Jawzi,(1994), *Talbīs Iblīs*, *Op.cit.*, h. 31-32.

<sup>66</sup> Abdul Rahmān bin Hassan Ali Syeikh (2002), *Fathu al-Majīd*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 196, al-Ghazālī, Abī Ḥamid Muhammad, (1990), *Mukāṣyafatū al-Qulūb*, cet.1. Beirut: Dar al-Fikr, h. 47-49.

Seseorang itu tidak dibenarkan berkawan dengan jin lebih-lebih lagi memohon pertolongan darinya.<sup>67</sup> Ini adalah kerana memohon pertolongan atau menghampirkan diri kepadanya dengan menunaikan apa bentuk tuntutannya samalah seperti menyembahnya.<sup>68</sup> Bersahabat dengan jin bukanlah banyak membawa faedah bahkan mudah mendorongnya kepada lebih mendurhakai dan mengkufuri Allah.<sup>69</sup>

Seterusnya kepercayaan yang mengatakan bahawa hari-hari gugurnya pusat bayi mudah mengundang musibah adalah tidak berasas dan boleh membawa kepada *khurāfat*. Di dalam Islam tidak terdapat hari-hari sial tersebut dan semua hari adalah sama kecuali hari Jumaat<sup>70</sup> dan dua hari raya yang dianggap sebagai hari-hari yang mempunyai kelebihan yang tertentu.<sup>71</sup> Allahlah yang menganugerahkan sesuatu yang dikehendakiNya kepada orang yang dikehendakiNya. Di tanganNyalah kerajaan segala sesuatu.<sup>72</sup>

### **5.3 Adat-Adat Selepas Kelahiran**

#### **5.3.1 Adat Pemulihan Kesihatan Ibu**

Adat-adat pemulihan kesihatan seperti adat mengurut, pemandian “dedaun teresak”, bertungku, berbekung, bersalai, berpatang, pengambilan ubat dan bersenam semuanya itu adalah sebahagian cara untuk memulihkan kembali kesihatan selepas bersalin. Amalan memulihkan kesihatan sedemikian adalah

<sup>67</sup> Lihat Ibn ‘Athār al-Sakhandarī (t.t), *Ikhāz al-Himām fī Syarhi al-Hikām*, jld.1, Beirut: Dar al-Fikr, h. 277.

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> Ibn Jawzī, *Op.cit.*,h.49, al-Ghazali, *Op.cit.*, h. 275.

<sup>70</sup> Lihat al-Khubiri,Uthman bin Husein bin Ahmad Syakir (t.t), *Durratu al-Nasihin Fī Walwa’z al-Irsyad*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 256-259.

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> Ahmad al-Syarbasyī (1999), *Yas ’alunak Fī al-Din Wa al-Hayāh*, (terj), cet.1. Jakarta: Lentera, h. 674.

Allah mengandungi khasiat sebagai sebab musabab untuk menyembuh penyakit dan luka-luka adalah diharuskan dan digalakkan sebagaimana sabda Rasulullah:<sup>78</sup>

لَكُلْ ذَاءٍ نَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ نَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأٌ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya:

“Bagi setiap penyakit itu ada ubatnya, Apabila penyakit itu terkena ubatnya, sembuhlah ia dengan izin Allah”.

(Riwayat Muslim)

Mengenai pantang larang kepada perempuan yang baru melahirkan anak dinasihatkan agar tidak makan terlalu banyak demi menjaga tubuh badan wanita tersebut agar cantik dan rampin seperti sediakala. Syara’ tidak menghalang sekiranya si isteri tersebut mahu mengurangkan berat badannya dengan mengurangkan lemak pada badan supaya tidak menjadi gemuk selepas melahirkan anak<sup>79</sup>. Ini adalah kerana semasa melahirkan anak, si isteri telah kehilangan banyak zat-zat yang diperlukan oleh tubuh badannya dan juga bayi. Justeru, banyak makan selepas bersalin kerana berpunca dari kehilangan banyak zat-zat dikhawatir akan menghadapi masalah kegemukan pula.<sup>80</sup>

### 5.3.2 *Adat Penjagaan Ibu Dan Bayi Selepas Bersalin*

Dalam menentukan hukum adat penjagaan selepas bersalin didapati peraturan yang dikenakan kepada orang yang menanam uri dengan mempercayai tentang sifat-sifat yang bakal diwarisi oleh bayi bergantung kepada perlakuan orang yang menanam uri adalah tidak berasas. Sifat mewarisi ini sebenar mula terbentuk semasa kandungan di dalam perut lagi. Justeru, awal-awal lagi Islam menyarankan umatnya agar menjadikan agama sebagai pilihan utama semasa

<sup>78</sup> Al-Nawawi, *Syarah Sahih al-Muslim*, Op.cit., jld.14, h. 191, Ibn al-Qayyim, *Op.cit.*, h.13.

<sup>79</sup> Syeikh Nizām (1898), *Al-Fatawā al-Hindiyah Fī Fiqh al-Hanafiyah*, jld.3, cet. al-Kubra al-Amiriah, jld.3, h. 403, Abdul-Karim Zaidan, *al-Mufasal-Fī al-Ahkāmil al-Mar'ah*, Op.cit., h. 101.

<sup>80</sup> Lihat Ibn Qayyim, *Op.cit.*, h. 18.

pemilihan jodoh supaya sifat-sifat yang baik diwarisi kepada zuriatnya, sabda Rasulullah.<sup>81</sup>

### ٌزَوْجُوا فِي الْحَجَرِ الصَّالِحِ فَإِنَّ الْعَرَقَ دَسَّاسٌ

Maksudnya :

“ Kahwinilah golongan orang soleh, kerana urat itu mempengaruhi”.<sup>82</sup>  
( Riwayat Ibn Majah)

Oleh itu, banyak melakukan amal kebajikan seperti selalu membaca ayat-ayat suci al-Qurān semasa si ibu hamil merupakan suatu usaha murni seorang ibu kepada anak yang bakal dilahirkan agar mewarisi sifat dan akhlak terpuji.

Namun seperkara yang patut dibimbangi tentang kepercayaan kepada terjadi sesuatu penyakit kerana berpunca daripada ketidakpatuhan kepada tatacara penanaman uri adalah tidak berasas dan jelas ianya adalah sebagai *khurāfat*. Sesuatu itu tidak akan terjadi dengan sendirinya melainkan dengan izin Allah<sup>83</sup> dan Dialah punca segala-segalanya sebagaimana firmanNya:

*وَهُوَ الْقَاهِرُ فَوْقَ عِبَادِهِ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْخَبِيرُ*

Maksudnya:

“ Dan Dialah (Allah) yang mentadbir, menguasai dan memperlakukan ke atas sekalian hamba-hambaNya dan Dialah yang Amat Bijaksana serta Maha Mengetahui”.

(Sūrah al-An’ām (6) :18)

Mengenai adat pelepas pula, ia lebih menunjukkan kepada suatu kepercayaan yang menyatakan bahawa setiap kelahiran mudah dihinggapi pelbagai jenis gangguan dan musibah kerana badan perempuan tersebut masih

<sup>81</sup> ‘Abd Nāsi‘ ‘Ulwān (1999), *Tarbiyatul al-Āwlād fi al-Islām*, jld.1, al-Qaherah: Dar al-Salam,h. 32.

<sup>82</sup> Ibn Majah, *Op.cit*, no. hadith 897.

<sup>83</sup> Abdul Aziz bin Mohd Zain, (1991), *Syirik*, cet. 2.Kuala Lumpur: Pam Publishing (M) Sdn.Bhd, h.46.

lemah. Penyataan ini ada juga benarnya kerana makhluk halus seperti “*ummu sibyān*” suka mengganggu bayi yang baru lahir.<sup>84</sup> Oleh itu Rasūlullah menyarankan agar diazan dan *diiqāmahkan* ke telinga bayi yang baru lahir untuk menghindari diri si ibu dan anak daripada syaitan<sup>85</sup> sebagaimana sabda Rasūlullah:

مَنْ وُلِدَ لَهُ مَوْلُودٌ فَادْعُ فِي أَذْنِهِ الْيَمْنَى وَأَقْامْ فِي أَذْنِهِ الْيُسْرَى رُفِعَتْ عَنْهُ أُمُّهُ

الصَّبَّيْنَ

Maksudnya:

“Sesiapa yang dikurniakan bayi maka hendaklah ia mengazarkan di telinga kanannya dan mengiqāmahkan di telinga kirinya kerana yang demikian akan menghindarkan dirinya daripada gangguan syaitan *ummu sibyān*.<sup>86</sup>

( Riwayat al-Baihaqi)

Walaupun bagaimanapun mantera atau jampinya yang diguna pakai ketika menjalankan upacara “*pelepas*” adalah bercanggah dengan aqidah orang Islam. Di mana lafaz “*Kun*” kata Allah, “*Fayakun*” kata Muhammad, “*Rabbukum*” kata Jibrīl adalah suatu ungkapan yang menunjukkan kuasa penentu atau pemutusnya ialah Nabi Muhammad S.A.W bukannya datang dari keizinan daripada Allah yang memiliki kuasa penentu dan ini sudah pasti syirik. Pernyataan yang sedemikian pernah dilarang<sup>87</sup> oleh Rasūlullah dalam satu sabdanya:

لَا تَطْرُوْنِي كَمَا أَطْرَأْتِ النَّصَارَى عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ وَلَكِنْ قُولُوا عَبْدَ اللهِ

”وَرَسُولَهُ“

<sup>84</sup> Haron Din, et al (1987), *Rawatan Gangguan Makhluk Halus Menurut al-Quran dan al-Sunnah*, cet.1, Kuala Lumpur, h. 33-34.

<sup>85</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah ( 1995), *Tuhfatul al-Mawduū Bi Ahkam al-Mawduū*,cet. 1, Beirut: Dar al-Khair, h.37, Muhammad Uqlah, *Op.cit.*, cet.1, h. 25.

<sup>86</sup> Al-Baihaqi, *Op.cit.*, no.hadith 8619.

<sup>87</sup> Syeikh Abdul Rahman (2002), *Fathul al- Majid*, Beirut: Dar al-Fikr, h..261.

Maksudnya:

“Janganlah kamu mengagung-agungkan aku seperti orang Kristian mengagung-agungkan Isā anak Mariam tetapi katakanlah hamba Allah dan RasulNya”.<sup>88</sup>

( Riwayat al-Bukhārī)

Mandi selepas pantang dapat dikategorikan sebagai suatu kaedah perubatan bagi menyihatkan badan perempuan yang telah selamat bersalin agar kembali kepada keadaan sebelumnya. Namun, jika jampi menolak bala atau musibah “al-Istighāsah” yang diguna ketika memandikan perempuan yang selepas pantang dengan cara memohon selain daripada Allah adalah dilarang di dalam Islam. Permohonan hanya kepada Allah sahaja sebagaimana firmanNya:

فَنَّ اللَّهُ أَعْذُّ مُخْلِصًا لَهُ دِينِي

Maksudnya:

“Katakanlah Wahai Muhammad, bahawa aku hanya menyembah Allah dengan secara telus dalam mengamalkan urusan hidupku padanya.”

( Sūrah al-Zumar (39) :14 )

Dalam menyentuh persoalan adat penyusuan di kalangan masyarakat berkenaan didapati tiada sebarang unsur yang menunjukkan masyarakat tersebut telah mengamalkan amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Manakala merancang keluarga pula melambangkan persetujuan bersama suami dan isteri dengan menggunakan sesuatu cara atau bahan tertentu bagi melewatkannya tempoh hamil atau membataskan kelahiran anak.<sup>89</sup> Syara’ mengharuskan hukum<sup>90</sup> merancang tersebut melalui kaedah *qiyās* hukum *azal* di dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Jābir r.a, sabda Rasūlullah:<sup>91</sup>

كُلَا نَزْلُ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ وَالْقُرْآنِ يَنْزَلُ

<sup>88</sup> Al-Bukhārī, *Op.cit.*, no. hadith 3445.

<sup>89</sup> Mahmood Saltīl, Sycikh (1985), *al-Fatāwā*, cet.2. Mesir : Dar al-Syuruq, h.294..

<sup>90</sup> Abū Hamid (1992), Muhammad Al-Ghazālī, *Iḥyā’ Uḥū Middin*, jld.2, cet.2. Amman: Dar al-fikr, h.65.

<sup>91</sup> Muhamad Fuad al-Baqī ( 1989), *Al-Lulu' Wal Marjām Fi Ma Ittafaqā al-Syaikhān*, jld.2, Mesir: Maktabah al-Halabi, h.101.

Maksudnya:

“Kami mengamalkan azal pada zaman Rasūlullah sedangkan al-Qurān masih lagi turun”

(Riwāyat Muslim)

Hukum *azal* tersebut diharuskan sekiranya mengikut ketiga-tiga syarat yang dibenarkan syara<sup>92</sup> iaitu mendapat persetujuan bersama suami isteri, berdasarkan situasi sesebuah keluarga dan perancangan tersebut dalam jangka tempoh yang tertentu bukan untuk selama-lamanya. Adat ini diharuskan kerana perancangan keluarga tersebut lebih berfokuskan kepada pemulihan kesihatan dan memberikan kerehatan kepada si ibu setelah bersalin.

Manakala hukum mengenai pemakaian *azimat* dan tangkai kepada anak yang mudah terkena sesuatu penyakit atau musibah dengan harapan agar anak tersebut terhindar daripada terkena penyakit atau malapetaka. Kepercayaan sedemikian adalah syirik kerana mempercayai sesuatu itu mampu mendatangkan manfaat atau musibah dengan sendirinya tanpa merujuk kepada ketentuan Allah. Sedangkan ini dapat dilihat berdasarkan kepada pencapaian ilmu perubatan moden serta kajian yang mendalam yang mendapati semuanya itu berpunca daripada kuman-kuman di dalam badan.

Hakikatnya jampi dan azimat yang tidak menentu dan bermacam-macam itu, tidak ada hubungan dengan penyakit dan bukan pula cara untuk menyembuhkannya. Bahan-bahan tersebut pernah digunakan oleh orang-orang jahiliyah kerana mereka mempunyai anggapan dan kepercayaan bahawa benda-benda tersebut dapat melindungi atau menyembuhkan mereka dari sesuatu

<sup>92</sup> Yūsuf al-Qardāwī, (1973), *al-Halāl Wal Ḥarām*, cet.7. Beirut: Maktabah al-Islamī, h.191.

malapetaka atau penyakit. Bagi tujuan tersebut mereka menggantungkan benda-benda tersebut di leher atau selainnya.<sup>93</sup> Terdapat hadīth Rasūlullah yang melarang perbuatan seperti itu dengan sabdanya:<sup>94</sup>

إِنَّ الرُّقْبَى وَالثَّمَانِيَّ وَالْتَّوْلَةَ شَرٌّ كَثِيرٌ

Maksudnya :

“Sesungguhnya jampi, tangkal azimat dan ilmu guna-guna adalah syirik”.

( Riwayat Imām Ahmad )

Menurut Fawrī perbuatan sederikian perlulah dihapuskan.<sup>95</sup> Ini dikuatkan pula dengan hadīth yang diriwayat oleh al-Tīrmidhī, sabda Rasūlullah :<sup>96</sup>

وَمَنْ عَلَّقَ ثَمِينَةَ قَدْ أَشْرَكَ

Maksudnya:

“Sesiapa yang menggantungkan tangkal telah melakukan syirik”.

( Riwayat al-Tirmidhī)

Mengubati penyakit dengan menggunakan ayat-ayat al-Qur'ān sebagai azimat dibenarkan, malah digalakkan kerana al-Qur'ān mempunyai kuasa mu'jizat yang tersendiri.<sup>97</sup> Justeru, sesetengah ulama salaf seperti Abdullah bin Amru bin al-'Ās, Abū Ja'far al-Bākir dan Ahmad mengharuskan memakai tangkal dengan menggunakan ayat-ayat al-Qur'ān. Walaupun begitu, terdapat larangan daripada sahabat Rasūlullah tentang penggunaan ayat-ayat al-Qur'ān sebagai tangkal atau

<sup>93</sup> Lihat Muhammad bin Ab. Wahāb, *Al-Jāme' al-Fārīd*, *Op.cit.*, h.54.

<sup>94</sup> Lihat Imām Ahmad, *Op.cit.*, jld.4, no.hadīth 219.

<sup>95</sup> Fawrī (1981), *Kanzu al- Ummāl Fi Sunanī al-Aqwāl wa Afāl*, jld.3, Beirut: Dar-al Halabi, h. 817.

<sup>96</sup> Al-Tirmidhī, *Op.cit.*, no.hadīth 2027.

<sup>97</sup> Ahmad bin Muhammad bin Abū Bakr al- Khatīb al-Qasthallānī, (1982), *Al-Mawāhib Al-Ladunniyah Bil Manahī al-Muhammadiyah*, jld 2, h. 58. 'Abi al-Tayyib Muhammad al-Syams al-haq al-'Azīz 'Abādī, 'Un al-Ma'būd Syarah Sunan Abi Dawūd, *Op.cit.*, jld 10, h. 98, al-Nawawi, *Syarah Sahih Muslim*, *o.p.cit.*, h. 86.

azimat seperti Ibnu Mas'ūd, Ibnu 'Abbas, Huzaifah dan 'Uqbah bin Amīr juga kumpulan tabi'in bahkan ulama-ulama' terkemudian seperti Syeikh 'Abdul Rahman bin Hassan<sup>98</sup> dan Muhamad bin 'Abd.Wahāb.<sup>99</sup> Di dapati bahawa pendapat yang kedua adalah lebih kuat.

3

Menyambut hari jadi kelahiran adalah suatu amalan yang tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabatnya. Justeru menyambut hari lahir adalah suatu amalan *bid'ah munkar* yang patut dijauhi.<sup>100</sup> Walaupun amalan menyambut kelahiran dianggap sebagai *bid'ah* namun tidak boleh dinafikan bahawa dengan pengisian majlis seperti bacaan doa, solat hajat dan jemputan ke majlis makan seperti ini menunjukkan suatu kebaikan kepada individu, keluarga dan masyarakat sama ada di dunia maupun di akhirat dengan menjadikan majlis tersebut sebagai peringatan kepada diri seseorang tentang usia umurnya yang semakin lanjut dan perlulah bertaubat dari masa ke semasa. Jadi tidaklah wajar dikatakan majlis menyambut hari jadi ini haram secara mutlak tanpa menilai falsafahnya terlebih dahulu. Maka hukum majlis sambutan hari kelahiran sama ada haram atau *mubah* bergantung kepada bentuk pengisian yang disajikan di majlis tersebut.

Sayugianya amalan yang menyerupai tiupan lilin dan nyanyian yang melalaikan tidak dibudayakan oleh orang Islam. Yang jelas syarak telah melarang amalan meniru daripada orang bukan Islam sama ada berupa pakaian, cara

<sup>98</sup>, Abdul Rahman Hassan,Syeikh, *Fathu al-Mujīd*,h. 152.

<sup>99</sup> Muhammad bin Ab. Wahab, *al-Sāme al-Farid*, Op.cit,Madinah, h..54.

<sup>100</sup>, Abd. Karim al-Zaidān (1993), *al-Mufassal Fī Ahkām al-Mar'ah Wal-Baitil Fī Syariah al-Islamiyah*, cet.1. h. 310.

bersosial dan lain-lain lagi yang jelas bertentangan dengan nilai-nilai murni Islam sebagaimana hadith:<sup>101</sup>

مَنْ شَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

Maksudnya:

“Sesiapa yang menyerupai amalan sesuatu kaum maka dia termasuk golongan mereka.”<sup>102</sup>

(Riwayat Abu Dawūd)

Sehingga Rasulullah juga melarang umatnya meniru “*tasyabuh*” dengan ahli kitab dan orang-orang kafir dalam pelbagai cara. Meniru penampilan lahir mereka boleh mengakibatkan peniruan kepada batin pula. Sekiranya perilaku terdapat kesamaan, dikhuatari hati mungkin turut sama sebagaimana dari Ibn Umar Rasulullah pernah bersabda:<sup>103</sup>

خَالِفُوا الْمُشْرِكِينَ احْقُوا الشَّوَّارِبَ وَاعْفُوا اللَّحَى

Maksudnya:

“Berbezalah kamu semua dengan orang-orang kafir potonglah misai dan panjangkanlah janggut”.<sup>104</sup>

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)

Sayugianya masyarakat Islam tempatan hanya memadai dengan kenduri *aqiqah* pada hari ke tujuh kelahiran sebagaimana yang telah dianjurkan oleh syariat. Walaupun di majlis tersebut diselitkan dengan bacaan doa selamat atau sebagainya namun memandangkan amalan sedemikian tidak terdapat pada zaman sahabat dan tabi'in maka amalan ini boleh dikategorikan melalui pendekatan kaedah “*Sad al-Zarā'i*”.

<sup>101</sup> Al-Suyūtī, *al-Jāmie al-Saghir*, Op.cit., jld.2, h.510.

<sup>102</sup> Abū Dawūd, Op.cit., no.hadith 4031.

<sup>103</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (2001), *Ighāṣatul al-Lafḥan Min Mashāyidi al-Syaiṭān*, (terj), cet. 1. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi, h.57.

<sup>104</sup> Al-Bukhārī, Op.cit., Bab al-Libās, no.hadith 2353, Muslim, Op.cit, Bab al-Tahārah, no.hadith 2594

#### **5.4 Amalan-Amalan Sunnah Yang Diadatkan**

Manakala amalan-amalan sunnah yang diadatkan didapati kebanyakan telah ditokok tambah dengan adat dan budaya masyarakat Melayu yang tidaklah menunjukkan suatu pertentangan dengan ajaran Islam. Sebagai contoh ditambahkan pula dengan bacaan ayat suci al-Qurān seperti surah *al-Qadr* iaitu lain dari apa yang disarankan oleh baginda Rasulullah yang hanya memperdengarkan azan atau *iqāmah* pada telinga bayi. Walaupun begitu, kita disarankan banyak membaca ayat-ayat al-Qurān agar mendapat keberkatan dari ayat suci al-Qurān tersebut.<sup>105</sup> Firman Allah :

كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكُمْ مُبَارَكٌ لِيَذَرُوا آيَاتِهِ وَلِيَذَكِّرُوا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya:

“Inilah kitab yang kami turunkan kepada engkau, penuh keberkatan supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya orang yang mengerti dapat memikirnya”.

(Sūrah Saād (38): 26)

Mengharapkan keberkatan di majlis *tahnik* dengan mengundang orang-orang soleh tidaklah dilarang di sisi syara’ bahkan merupakan perkara sunat<sup>106</sup> Ini adalah kerana sahabat pernah melakukan perbuatan sedemikian untuk mendapat keberkatan daripada Rasulullah atau para-sahabat.

Mengenai bahan yang digunakan seperti garam, gula batu, asam keping dan bahan lain yang digunakan ketika berlangsung majlis tahnik tidaklah melanggar amalan *sunnah*. Bahan-bahan tersebut digunakan sebagai simbolik kepada adat resam Melayu sahaja, demikian juga dengan penggunaan cincin emas

<sup>105</sup> Lihat Mahmood Saltūl, *Op.cit.*, h.210.

<sup>106</sup> Al-San’ani (1985), *Syarh Bulugh al-Marām*, jld.4,cet.2. Misr: Mustafa al-Halabi, h. 136.

atau perak sebagai simbolik kepada sesuatu pengharapan yang amat bernilai terhadap anak dan ini tidaklah dilarang. Walaupun Nabi *mentahnik* kanak-kanak dengan menggunakan tamar, atau sesuatu yang manis seperti madu atau air sahaja.<sup>107</sup>

Manakala amalan pemilihan nama anak, *aqiqah* dan *khatān* lebih menjurus kepada amalan-amalan sunah yang telah diamalkan oleh Rasulullah S.A.W. para sahabat dan juga para tabi'in.

Amalan berselawat yang diamalkan di majlis *tahnik* merupakan perkara *bid'ah* jika diamalkan secara berterusan walaupun pada asalnya selawat kepada junjungan digalakkan. Tetapi setelah dijadikan adat dibimbangi ianya akan dianggap sebagai sunnah Nabi pula sedangkan ianya tidak sedemikian. Namun jika ianya dilakukan sebaliknya iaitu bukan berterusan maka tiada larangan untuk mengharamkannya kerana ia memenuhi tuntutan Islam agar umatnya sentiasa berselawat ke atas junjungan kita Rasūlullah S.A.W.<sup>108</sup>

<sup>107</sup> Al-'Asqalāni, *Op.cit.*, jld.5, h. 587.

<sup>108</sup> Lihat al-Khubiri, *Op.cit.*, h. 53-55.